

Rujukan Kami (Our Ref): UMP.03.01/10.12/3 (23)
Tarikh: 19 Februari 2021

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.
YBhg. Prof. Dato'/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2021
HAD NILAI LANTIKAN TERUS BAGI PEROLEHAN KERJA DALAM TEMPOH
DARURAT DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Bersama ini dilampirkan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2021 Had Nilai Lantikan Terus Bagi Perolehan Kerja Dalam Tempoh Darurat di Universiti Malaysia Pahang untuk maklumat dan tindakan Prof. Dato/ Prof./ Prof. Madya/ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINUDIN BIN OTHMAN)
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2021

Semua Dekan/Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

Prof. Dato / Prof. / Prof Madya/ Tuan/ Puan,

HAD NILAI LANTIKAN TERUS BAGI PEROLEHAN KERJA DALAM TEMPOH DARURAT DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan tentang had nilai lantikan terus bagi perolehan kerja dalam tempoh darurat di Universiti Malaysia Pahang.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti kali ke 44 Bil.2/2020 telah meluluskan pemakaian Pekeliling Perbendaharaan PK2.2 Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2020 dan semua pindaan terkini PK2.2 yang dikemaskini dari semasa ke semasa sekaligus dapat mempercepatkan proses perolehan dan meningkatkan aktiviti perniagaan;
- 2.2 Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2020 Kaedah Pelaksanaan Perolehan Kerja Bagi Tahun 2020 memaklumkan had nilai perolehan kerja secara sebutharga adalah daripada nilai yang melebihi RM20,000.00 sehingga RM800,000.00 dan diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Universiti. Tempoh pelaksanaan adalah sehingga 31 Disember 2020;

- 2.3 Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2021 Kaedah Pelaksanaan Perolehan Kerja Bagi Tahun 2021 memaklumkan had nilai perolehan kerja secara sebutharga adalah daripada nilai yang melebihi RM20,000.00 sehingga RM800,000.00 dan diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Universiti. Tempoh pelaksanaan adalah sehingga 31 Disember 2021;
- 2.4 Surat Edaran MOF.BPK(S) 600.14/2/2(5) pada 16 Februari 2021, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Februari 2021 telah bersetuju supaya had nilai ambang perolehan kerja bagi lantikan terus kontraktor Gred G1 dan G2 dinaikkan daripada RM20,000.00 kepada RM50,000.00 dalam tempoh darurat pandemik COVID-19 bagi mempercepatkan proses perolehan dan menjana aktiviti ekonomi.

3.0 HAD NILAI LANTIKAN TERUS BAGI PEROLEHAN KERJA DALAM TEMPOH DARURAT

- 3.1 Bagi tujuan mempercepatkan pelaksanaan projek, had nilai lantikan terus bagi perolehan Universiti adalah seperti Jadual 1 berikut:

Bil	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
a.	Lantikan Terus	Sehingga RM20,000 (Kekal had nilai sedia ada seperti PP/PK2.1	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan; • Kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G1; • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran iaitu berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK). Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB).

Bil	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
b.	Lantikan terus	Melebihi RM20,000 sehingga RM50,000	<ul style="list-style-type: none"> • Kontraktor tempatan; • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1; • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran iaitu berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK, SPKK serta STB; • Bagi pelaksanaan kerja kategori elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sembilan (9) sistem mekanikal dikekalkan seperti PK1.1 dan PK2.1 dengan had nilai seperti di Jadual 1; • Menggunakan Jadual Kadar Kerja; • Pelantikan kontraktor tertakluk kepada syarat berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) Pelantikan kontraktor dibuat secara penggiliran agar tidak tertumpu kepada kontraktor yang sama; (b) Diwujudkan Jawatankuasa Pemutus bagi pertimbangan lantikan terus yang dipengerusikan oleh Ketua Agensi Pelaksana atau mana-mana pegawai yang diturunkan kuasa. Kourum Jawatankuasa ini adalah seramai 3 orang; dan (c) Mempamerkan kontraktor yang dipilih secara lantikan terus di papan notis atau hebahan melalui laman sesawang Jabatan.

- 3.2 Universiti hendaklah memastikan pelantikan kontraktor dibuat dalam tempoh kuatkuasa Surat Pekeliling ini, namun pelaksanaan kerja oleh kontraktor boleh melangkaui tempoh tersebut; dan
- 3.3 Pertimbangan lantikan terus boleh dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus yang lebih tinggi iaitu Jawatankuasa Sebutharga Universiti.

4.0 PERTANYAAN

4.1 Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan kaedah pelaksanaan perolehan kerja bagi tahun 2021 ini hendaklah dikemukakan kepada:

- (i) Unit Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan Kewangan
Jabatan Bendahari
No Tel : 09-424 5332/5321

- (ii) Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan
Pusat Pembangunan Dan Pengurusan Harta
No Tel : 09-424 6500/6516/6539


5.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa sehingga 1 Ogos 2021 atau sehingga tarikh akhir darurat yang akan diumumkan oleh Kerajaan.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan (CFO)

Universiti Malaysia Pahang

Jumaat, 19 Februari 2021

- s.k - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang